

# 'Capai KPI gerak ekonomi negara'

**Shah Alam:** Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian dan Ketua Pengarah (KP) jabatan diingat supaya mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan bagi membantu menggerakkan ekonomi negara susulan pandemik COVID-19.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata mesyuarat pertama mengenai perkara itu diadakan baru-baru ini.

"Saya juga memberi peringatan kepada KSU dan KP keperluan mereka memastikan KPI yang dikenakan kepada mereka tercapai.

"Kita kena cari jalan kerana ini (KPI) faktor untuk menggerakkan ekonomi," katanya pada sidang media selepas merasmikan Koperasi Kebuniti Selangor Berhad (KOBUNITI) dan penyampaian sijil keahlian koperasi di Taman Cahaya Alam, Seksyen U12, semalam.

Media sebelum ini melaporkan, Mohd Zuki menetapkan KPI untuk semua KSU kementerian dan KP jabatan bagi memastikan program menggerakkan ekonomi pasca COVID-19 dilaksanakan mengikut perancangan.

Beliau berkata, jika gagal, mereka perlu memberi alasan munasabah untuk dipertimbangkan jawatankuasa yang dianggotai beliau sendiri dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman serta beberapa ahli dilantik.

Katanya, perkara itu diputuskan selepas perbincangan dengan KPPA susulan banyak program atau projek pembangunan yang dirancang tidak dapat dilaksanakan seperti dijadual.

Dalam pada itu, mengulas mengenai cadangan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) berhubung pengkajian semula sistem persaraan kakitangan kerajaan, Mohd Zuki memaklumkan perkara itu belum diusulkan secara rasmi kepada kerajaan.



**Mohd Zuki pada majlis penyerahan sijil keahlian KOBUNITI di Taman Cahaya Alam, Shah Alam, semalam.** (Foto Faiz Anuar/BH)